

NO. SOALAN : 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]
TARIKH : 17 NOVEMBER 2014
RUJUKAN : 7215

SOALAN:

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pekerja asing dengan izin dan tanpa izin yang berada dalam negara ini sehingga September 2014 dan apakah hasil langkah pemutihan yang dijalankan selama ini dan bagaimanakah kemasukan baru.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif sehingga 14 September 2014 adalah seramai 2,058,048 orang. Jumlah ini mewakili pekerja asing yang digaji secara sah dan dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Jumlah ini juga adalah termasuk jumlah PATI yang telah diputihkan dan dikeluarkan PLKS di bawah Program 6P dan Program Khas Pengurusan PATI (PKPP).

Mengenai statistik pendatang asing tanpa izin (PATI), Kementerian ini tidak mempunyai rekod yang khusus memandangkan sehingga kini rekod yang dimiliki oleh Jabatan Imigresen Malaysia adalah berdasarkan pas yang dikeluarkan kepada pekerja asing yang bekerja di negara ini iaitu Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS).

Bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa masih terdapat PATI yang berada dalam negara setelah tamatnya Program 6P. Namun tindakan penguatkuasaan dilaksanakan secara berterusan bertujuan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir PATI yang tidak dapat diputihkan di bawah Program 6P.

Hasil langkah pemutihan yang dijalankan selama ini adalah seperti berikut:

- (i) Keupayaan Kerajaan untuk mengumpul data berhubung anggaran jumlah PATI yang berada di dalam negara serta butiran tentang keberadaan PATI mengikut pecahan warganegara, aktiviti ekonomi, umur, jantina dan sebagainya. Di bawah Proses Pendaftaran seramai 1,303,126 PATI telah berjaya didaftarkan bersama maklumat keberadaan mereka. Daripada jumlah tersebut seramai 521,734 PATI telah diputihkan dan dibenarkan untuk bekerja di sektor-sektor pekerjaan yang dibenarkan;
- (ii) Pengambilan data biometrik yang dilaksanakan semasa Proses Pendaftaran telah membantu memantapkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap warga asing serta meningkatkan kawalan keselamatan negara;
- (iii) Ia juga telah dapat menangani isu pemalsuan identiti dan dokumen perjalanan melalui pendaftaran data biometrik cap jari yang tidak boleh dipalsukan;
- (iv) Berjaya menangani isu kutipan levi ke atas majikan yang menggaji PATI di mana sebelum ini Kerajaan tidak dapat mengutip bayaran levi ke atas majikan yang telah menggunakan PATI dan menjana hasil pendapatan negara

bagi tempoh dua hingga tiga tahun berdasarkan tempoh pengajian yang dibenarkan di bawah program ini; dan

Kaedah kemasukan yang ditetapkan oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) Majikan perlu mendapatkan Sijil JobsMalaysia (JCS) daripada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), sebagai sokongan kepada majikan yang ingin memohon pekerja asing;
- (ii) Majikan kemudiannya perlu hadir secara *walk-in* ke OSC, KDN untuk sesi temuduga dan kelulusan akan diberikan pada hari yang sama dengan mengemukakan permohonan pengambilan pekerja asing yang lengkap di OSC, KDN;
- (iii) Majikan yang telah mendapat kelulusan dikehendaki untuk membuat bayaran levi tahun pertama di Bahagian Pengurusan Pekerja Asing, Kementerian Dalam Negeri; dan
- (iv) Majikan seterusnya dikehendaki berurusan secara terus dengan Jabatan Imigresen Malaysia bagi mendapatkan Surat Kelulusan Visa Dengan Rujukan (VDR) dan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS).